

Sari 19 (2001) 189 - 203

Laporan Penyelidikan/*Research Report*

Perkahwinan Campur Peranakan Punjabi di Sabah

SARJIT S. GILL

ABSTRAK

Laporan ini bermula dengan definisi peranakan. Selepas itu, dibincangkan proses yang membawa kepada pembentukan masyarakat peranakan Punjabi di Sabah, melalui perkahwinan campur antara lelaki Sikh dengan wanita tempatan. Laporan ini adalah berasaskan temubual dan kerja lapangan yang dilakukan penulis pada April 2001. Daripada pemerhatian yang dilakukan di empat gurdwara itu adalah didapati peranakan Punjabi mempunyai identiti budaya mereka yang membezakan mereka daripada orang Sikh di Semenanjung Malaysia. Namun, mereka mempunyai komitmen yang kuat kepada ugama Sikh.

Kata kunci: Peranakan Punjabi, identiti, agama Sikh

ABSTRACT

This report begins with a definition of the term peranakan. It then goes on to discuss the process that leads to the creation of a peranakan Punjabi society in Sabah, namely through intermarriages among the Sikh men and the local women. This report is based on interviews and fieldwork in April 2001. Observation in four gurdwara undertaken shows that the peranakan Punjabi possess a unique cultural identity that distinguishes them from Sikhs in Peninsular Malaysia. Nevertheless, they display a commitment towards Sikhism.

Key words: Peranakan Punjabis, identity, Sikhism

PENDAHULUAN

Perkahwinan adalah institusi sosial wajib dalam semua masyarakat, tidak kira tradisional atau moden. Institusi sosial itu berasaskan sepasang lelaki dan perempuan disahkan sebagai suami dan isteri, dan juga sah di sisi undang-undang (Jaswant Kaur 1987: 1). Walaupun majoriti rakyat Malaysia yang berbilang kaum mengamalkan perkahwinan sesama kaum masing-masing (*intra-marriage*), namun perkahwinan campur (*inter-marriage*) bukanlah fenomena sosial yang baru. Yang menarik ialah perkahwinan campur mendapat reaksi yang berbeza-beza di kalangan ahli masyarakat yang berlainan itu.

Perkahwinan campur seharusnya sudah menjadi gejala sosial yang biasa di Malaysia, memandangkan perlunya interaksi dan saling pergantungan sesama kaum, lebih-lebih lagi setiap kaum itu perlu hidup aman damai, selain ia juga boleh menjadi faktor penting dalam mengikis perasaan perkauman. Pendek kata, dari perkahwinan campur diharap akan terbentuk generasi baru dengan sikap yang lebih terbuka terhadap perbezaan antara kaum, maka dapat memahami dan menerima budaya lain dengan lebih mudah. Kesemua manfaat itu sangat-sangat diperlukan untuk semua rakyat Malaysia. Itulah juga yang diharapkan daripada golongan 'peranakan' kerana mereka dijangka sudah memiliki perwatakan yang unik, selain mempunyai pendirian yang lebih liberal. Pendek kata, mereka tidaklah '*rigid*' kepada satu jenis kebudayaan sahaja setelah mengamalkan percampuran budaya yang diwarisi (Serjit Sahib 1992: 3).

Dalam laporan penyelidikan ini, saya akan menengahkan perkahwinan campur Punjabi di Sabah berasaskan pemerhatian lapangan yang telah dilakukan di empat buah gurdwara (pusat ibadat) Sikh yang berasingan di Sabah pada bulan April tahun 2001, iaitu di Gurdwara Sahib di Kota Kinabalu, Lahad Datu, Tawau dan Sandakan. Untuk melengkapkan gambaran yang ingin ditunjukkan, saya telah menemubual 10 orang informan Punjabi di Lahad Datu. Gambaran pertama saya daripada pemerhatian dan juga interaksi dengan komuniti Sikh di Sabah itu ialah Punjabi Sabah berkahwin campur dengan banyak kumpulan etnik pribumi, termasuk Kadazan-Dusun, Murut, Bisaya dan Cina sejak dahulu lagi. Daripada perkahwinan campur itulah sudah terbentuk satu kumpulan etnik baru: peranakan Punjabi.

Hasil kajian ini juga mendapati komuniti peranakan Punjabi di Sabah amat prihatin terhadap agama Sikh. Mereka amat mendahagakan bimbingan, memerlukan sokongan dan tunjuk ajar dengan konsisten daripada orang Sikh di Malaysia Barat. Tetapi, orang Sikh di Semenanjung sering meminggirkan peranakan Punjabi di Sabah, lebih-lebih lagi memandang serong terhadap perkahwinan campur di komuniti peranakan Punjabi itu.

KAJIAN MENGENAI KOMUNITI PERANAKAN DI MALAYSIA

Sepanjang yang diketahui, ada banyak kajian mengenai peranakan di Malaysia telah dibuat. Antaranya, Tan Chee Beng (1988) telah mengkaji komuniti peranakan Cina, iaitu Baba di Melaka. Menurut beliau, konsep 'peranakan' ada kaitan dengan aspek biologi. Istilah peranakan adalah untuk merujuk kepada anak-anak daripada pendatang Cina dalam abad 8 hingga 19 setelah berkahwin campur dengan wanita rumpun Melayu dengan anak-anak mereka bertutur dalam bahasa Melayu. Dari segi budaya, mereka telah mengalami proses akulturasi ke dalam budaya tempatan, iaitu Melayu. Ciri utama identiti Cina baba di Melaka ialah penggunaan dialek Melayu baba. Ketidakupayaan komuniti Cina baba untuk berbahasa Cina telah secara langsung memisahkan mereka dari masyarakat Cina totok di Malaysia di

masa lalu. Selain bahasa Melayu baba, mereka juga kuat dipengaruhi budaya Cina. Proses akulturasi yang mereka alami itu telah menjadikan mereka kekal sebagai sub-etnik dalam kategori ras Cina di Malaysia.

Sementara itu, Helen Fujimoto (1988) yang mengkaji komuniti India Muslim di Pulau Pinang menjelaskan pembentukan komuniti Jawi Peranakan itu adalah hasil perkahwinan campur antara lelaki India Muslim dari Selatan India dengan wanita Melayu di Pulau Pinang. Seperti Cina baba di Melaka, bahasa Melayu yang digunakan Jawi Peranakan di Pulau Pinang telah juga meninggalkan pengaruh kebudayaan yang kuat. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa ibunda orang Jawi Peranakan di Pulau Pinang, walaupun generasi muda Jawi Peranakan boleh memahami, malahan boleh bertutur dalam bahasa Tamil. Disebabkan berpendidikan sekolah Melayu, semakin lama semakin banyak generasi muda Jawi Peranakan tidak tahu berbahasa Tamil (Fujimoto 1988: 160-161).

Seterusnya, Yap Eng Moi (1989) yang mengkaji komuniti Ceti di Kampung Gajah Berang, Melaka, telah merumuskan pembentukan komuniti Ceti atau India Peranakan Melaka juga adalah hasil perkahwinan antara pedagang India Selatan dengan wanita pribumi. Komuniti ini juga menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Yang menarik ialah orang Ceti adalah penganut kuat agama Hindu, malahan pegangan kepercayaan mereka kepada ugama Hindu lebih kuat daripada India totok dalam erti kata mereka mengamalkan kepercayaan Hindu dengan sepenuhnya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Disebabkan tidak boleh berbahasa Tamil, mereka dipandang rendah oleh India totok (Yap Eng Moi 1989: 64-67).

PERKAHWINAN CAMPUR ORANG SIKH DI MALAYSIA

Tidak banyak kajian dibuat ke atas komuniti minoriti Sikh dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Sepanjang yang diketahui, hanya dua kajian sehubungan itu. Oleh sebab itu, kedua-duanya itu bahan rujukan yang sangat penting mengenai perkahwinan campur yang diamalkan orang Sikh, lebih-lebih lagi memikirkan ramai orang Sikh masih menentang perkahwinan campur.

Pada tahun 1987, Jaswant Kaur telah mengkaji sikap orang Sikh terhadap perkahwinan campur di Ipoh, Perak. Kajian itu dianggap penting kerana sikap yang akan menentukan sama ada orang itu menerima atau menolaknya. Beliau mengkaji sikap orang Sikh mengenai isu itu berdasarkan empat unsur: etno-sentrisme, diskriminasi, prasangka dan stereotaip. Hasilnya, beliau mendapati komuniti Sikh adalah satu kumpulan etnik yang berpegang kuat kepada agama, malahan kumpulan etnik itu bersifat pengelompok. Mereka amat prihatin tentang siapa yang harus menganggotai kumpulan mereka, justeru mereka berpegang kuat kepada prinsip endogami (Jaswant Kaur 1987: 105). Dengan kata lain, perkahwinan campur dianggap sesuatu yang melencong dari norma kekeluargaan

kerana pertukaran agama untuk membolehkan perkahwinan campur itu dipandang rendah oleh orang Sikh.

Selanjutnya, Serjit Sahib Singh (1992) telah mengkaji krisis identiti yang dihadapi komuniti peranakan Punjabi di pantai barat di Sabah, terutamanya di Kota Kinabalu dan Tuaran. Komuniti ini terbentuk hasil daripada perkahwinan campur antara kaum Sikh dengan orang Cina dan Kadazan. Dalam kajiannya, Serjit meninjau ciri-ciri primer yang membentuk identiti dan sempadan etnik Sikh dengan ibu bapa mereka memainkan peranan sebagai ejen sosialisasi dalam mengekalkan ciri-ciri tersebut pada anak-anak mereka. Menurut beliau, tahap pengetahuan, amalan agama serta masalah yang dihadapi ibu bapa besar kesannya ke atas sosialisasi ibu bapa ke atas anak mereka. Tetapi, tahap pengetahuan dan amalan ibu bapa Sikh amat dibatasi proses asimilasi budaya yang selanjutnya mempengaruhi sosialisasi anak mereka, khususnya dalam pengajaran agama Sikh. Akibatnya, pengetahuan dan amalan agama Sikh di kalangan orang muda peranakan Sikh semakin lemah.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut tadi, maka konsep 'peranakan Punjabi' yang dikemukakan oleh Serjit Sahib Singh akan digunakan dalam laporan ini. Tegasnya, konsep peranakan Punjabi merujuk kepada generasi baru yang telah dibentuk daripada hasil perkahwinan campur antara kaum Sikh yang berbangsa Punjabi dengan kumpulan bukan Sikh, seperti orang Kadazan-Dusun, Murut, Bisaya dan Cina di Sabah. Majoriti peranakan Punjabi di Sabah, terutamanya orang muda, hanya boleh bertutur bahasa Melayu dan tidak boleh berbahasa Punjabi. Namun, mereka masih mewarisi ciri budaya Sikh yang lain, terutamanya agama, cara bersembahyang, serta amalan upacara keagamaan dalam agama Sikh.

SEJARAH RINGKAS AGAMA SIKH

Komuniti Sikh di Malaysia adalah suku Punjabi yang menganut ajaran agama Sikh yang diasaskan Sri Guru Nanak Dev Ji (1469-1539). Agama ini agama monoteisme. Kepercayaan utama ialah Tuhan yang satu, maka bersifat *nirankar*, iaitu tidak berbentuk (*formless*), abadi, sangat berkuasa sehinggakan tidak dapat dihurai manusia. Penganut agama Sikh mempercayai Tuhan (dengan panggilan *Waheguru*) berada di mana-mana dan bila-bila. Tuhan sahajalah yang mempunyai segala sifat yang sempurna.

Sebelum memperkatakan perkahwinan campur peranakan Punjabi di Sabah, adalah baik sekiranya boleh difahami definisi mengenai seorang penganut agama Sikh. *Shiromani Gurdwara Parbandhak Committee* (SGPC), badan yang bertanggungjawab mentadbir hal ehwal agama Sikh, yang berpusat di Amritsar, Punjab (India), telah mendefinisikan seorang penganut Sikh seperti yang berikut:

A Sikh is any person whose faith consists of belief in one God, the ten Gurus, the Guru Granth Sahib and other scriptures of the Sikh religion. Additionally, he or she must

believe in the necessity and importance of amrit (the Sikh Conformational Ceremony). (Nesbitt 1996: 99; Gobind Singh tanpa tarikh: 7)

Definisi itu menjelaskan orang Sikh tidak semestinya mereka yang berbangsa Punjabi. Maksudnya sesiapa juga boleh menjadi Sikh asalkan dia mempercayai dan mengikuti definisi yang diberikan SGPC. Berbekalkan definisi tersebut, perkahwinan campur peranakan Punjabi di Sabah boleh dilihat sebagai yang bersifat unik dan menarik. Ini disebabkan individu daripada etnik luar yang ingin berkahwin dengan orang Sikh perlu memeluk agama Sikh dan mengamalkan ajaran agama Sikh terlebih dahulu. Prasyarat ini sama yang dikenakan ke atas orang bukan Melayu yang ingin berkahwin dengan orang Melayu itu mesti memeluk agama Islam terlebih dahulu.

Setelah mengetahui siapa penganut Sikh, perlu juga diketahui kandungan ajaran agama Sikh. Penganut agama Sikh adalah pengikut kepada ajaran Sri Guru Nanak Dev Ji dan sembilan orang Guru yang lain, iaitu Sri Guru Angad Dev Ji (Guru 1539-1552), Sri Guru Amar Das Ji (Guru 1552-1574), Sri Guru Ram Das Ji (Guru 1574-1581), Sri Guru Arjan Dev Ji (Guru 1581-1606), Sri Guru Hargobind Sahib Ji (Guru 1606-1644), Sri Guru Har Rai Ji (1644-1661), Sri Guru Har Kishan Ji (Guru 1661-1664), Sri Guru Teg Bahadur Ji (Guru 1664-1675) dan Sri Guru Gobind Singh Ji (Guru 1675-1708). Selepas Guru yang terakhir itu, penganut agama Sikh menghormati kitab suci, *Sri Guru Granth Sahib Ji* sebagai sumber mutamad ajaran agama mereka (Sarjit Singh 1998: 18-19).

Menurut catatan sejarah, Sri Guru Gobind Singh Ji telah memperkenalkan orde baru yang dikenali *Khalsa*, maksudnya ‘yang tulen’, pada tahun 1699. Dalamnya, penganut Sikh, tidak kira sama ada lelaki atau perempuan, dikehendaki menghormati simbol 5K semasa menjalani upacara *amrit sanskar* (upacara pembaptisan). Upacara ini dilangsungkan lima orang Sikh yang soleh dan sempurna yang digelar *panj piare* (*Five Beloved Ones*). Sebelum dibaptiskan, individu tersebut mestilah mandi serta wajib memakai simbol 5K. Mereka tidak dibenarkan memakai barang kemas, bersolek dan berdandan (Sarjit Singh 1999: 188).

Kelima-lima simbol 5K itu penting kerana mencirikan identiti signifikan orang Sikh, maka wajib dipakai sepanjang masa. Simbol yang pertama dan yang utama ialah *kes* atau rambut panjang, iaitu simbol keimanan. Mereka tidak harus memotong atau mencukur rambut dan bulu di mana-mana bahagian badan. Berbuat demikian akan dianggap melanggar perintah *Waheguru*. Simbol yang kedua ialah *kangha*, iaitu sikat. Ia mempunyai hubungan rapat dengan rambut. Dengan adanya sikat, rambut dianggap akan sentiasa bersih. Sikat itu lazimnya diperbuat daripada kayu dan sentiasa disimpan dalam serban. Simbol yang ketiga ialah *kirpan*, iaitu pedang kecil sebagai pelambang orang yang memegangnya itu adalah setia dan teguh imannya, selain mempunyai komitmen yang tinggi terhadap agama. Simbol ini biasanya digunakan untuk melawan ketidakadilan, penganiayaan, lebih-lebih lagi membantu golongan yang lemah. Oleh sebab itu, ia tidak boleh digunakan sesuka hati untuk menguasai hak orang lain. Simbol

yang keempat ialah *kachera*, iaitu seluar pendek untuk melambangkan kesediaan setiap waktu serta ketangkasan dalam proses melakukan sesuatu. Simbol yang terakhir ialah *kara*, iaitu gelang besi yang dipakai di tangan kanan untuk mengingatkan si pemakai untuk mengelakkan kejahatan. Ia juga pelambang tentang ikatan dan kepatuhan yang teguh antara si pemakai dengan agamanya (Sarjit Singh 1998: 103).

Selain itu, setiap penganut Sikh perlu mematuhi empat larangan atau *char kurahit* dalam persaudaraan *Khalsa* yang telah ditetapkan oleh Sri Guru Gobind Singh Ji pada tahun 1699. Apabila memohon *amrit* (air suci), untuk menganggotai Persaudaraan *Khalsa*, dia diminta mengikuti empat perkara seperti yang berikut:

1. tidak boleh memotong atau mencukur rambut di mana-mana bahagian badan.
2. tidak boleh memakan daging yang dipotong dengan paksa (termasuk daging halal).
3. tidak boleh meminum arak, menghisap tembakau atau mengambil dadah.
4. tidak boleh mengadakan hubungan seks di luar nikah (Sarjit Singh 1999: 188).

Penganut Sikh mempunyai insitisi keagamaan yang dikenali *gurdwara*. Ia bukan sahaja tempat ibadat, malahan pusat komuniti Sikh, lantaran pusat kehidupan orang Sikh (Sarjit Singh 2001: 46). Namun, sejak zaman Guru Nanak, *gurdwara* yang dibina di India itu kerap kali dikenal dengan nama *dharamsala* atau *place of worship* (Khushwant Singh 1966: 193). Sehingga kini, di mana sahaja ada penganut Sikh, di situlah ada *gurdwara*. Ini disebabkan tanpa *gurdwara*, penganut Sikh tidak dapat mewujudkan hubungan kolektif sesama mereka dan sekaligus tidak dapat mempelajari peraturan hidup sebagai seorang Sikh. Oleh sebab-sebab itu, di situlah juga diletakkan kitab suci agama Sikh, *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Semua penganut Sikh mesti mengikut dan menghormati ajaran kesepuluh orang Guru yang termaktub dalam kitab itu yang sepanjang 1,430 halaman.

Kitab suci ini istimewa dari segi agama dan sejarah kerana dua sebab. Pertama, inilah satu-satunya kitab suci di seluruh dunia yang mengandungi sabda kepada penganut Sikh, Islam dan Hindu dari pelbagai kedudukan kasta, latar belakang pekerjaan dan wilayah. Antaranya ialah Jaidev dari Bengal, Sradah dari Awadh, Namdev, Trilochan dan Parma Nand dari Maharashtra, Beni, Rama Nand, Pipa, Sain, Kabir, Ravidas dan Bhikhan dari Uttar Pradesh, Dhanna dari Rajashtan dan Farid dari Multan (Duggal 1993: 228). Kedua, inilah juga kitab suci yang mengandungi sabda yang ditulis sendiri oleh orang yang mengasaskan agama itu. Sri Guru Arjan Dev Ji iaitu Guru kelima telah menyusun kitab suci ini dan meletakkannya di dalam *darbar sahib* (dewan perhimpunan sembahyang) di Golden Temple pada tahun 1604 (Choor Singh 1994: 9). Sri Guru Arjan Dev Ji kemudiannya melantik Baba Buddha Ji sebagai *Granthi Sahib* (pembaca kitab) yang pertama dalam agama Sikh untuk menjaga kesucian kitab suci itu (Duggal

1993: 228). Di setiap gurdwara, salinan kitab suci ini diletakkan di tempat yang paling agung, maka diberi penghormatan yang paling tinggi.

Granthi Sahib tetap memainkan peranan penting dalam perjalanan upacara keagamaan di gurdwara. Dia adalah *Khalsa* yang arif daripada segi pengetahuan, keagamaan dan falsafah. Semua penganut Sikh menghormatinya kerana statusnya dapat disamakan sebagai wazir Tuhan.

SEJARAH RINGKAS KEDATANGAN KOMUNITI SIKH DI SABAH

Orang Sikh telah datang ke Sabah sejak tertubuhnya pasukan polis pada tahun 1882 ketika Kompeni Borneo Utara menubuhkan Constabulari Bersenjata Borneo Utara dengan dianggotai orang keturunan Sikh dan Punjabi Muslim (Mohd Radzuan 1995: 53-54). Pada mula-mulanya, ada seramai 100 anggota Sikh berkhidmat di bawah arahan Kapten A.M. Harington dalam pasukan keselamatan itu (Ranjit Singh 1993: 584).

Komuniti Sikh di Sabah pada masa dahulu itu tertumpu di bandar, termasuk Sandakan, Kota Kinabalu (dahulu Jesselton) dan Tawau. Gurdwara yang pertama telah dibina di Tawau dengan Subedar Labh Singh dan Subedar Deva Singh menjadi tokoh utama. Sementara itu, Gurdwara di Kota Kinabalu itu telah dibina pada tahun 1924 di bawah kepimpinan Subedar Mangal Singh dengan bantuan seorang jurutera, T.V. Durai, dari Jabatan Survei (Ranjit Singh 580-581). Menurut dokumen yang ada, Subedar Mangal Singh didapati telah berkhidmat sebagai anggota polis sejak tahun 1891. Dia menjadi Subedar Sikh yang pertama dalam pasukan Constabulari Bersenjata Borneo Utara. Setelah bersara pada tahun 1926, dia dianugerahkan *Sword of Honour* kerana penglibatan yang baik dalam pasukan keselamatan (Kler: 2). Oleh sebab ramai orang Sikh telah pulang ke India selepas bersara daripada pasukan polis, maka hanya sebilangan kecil mereka menetap di situ (Ranjit Singh 1993: 580-581).

PERKAHWINAN MENGIKUT AGAMA SIKH

Sebagaimana agama lain, perkahwinan (*anand karaj*) dianggap suci dalam agama Sikh. Perkahwinan penganut Sikh adalah monogami kerana '*a man is permitted only one wife and a woman only one husband*' (Pritam Singh 1975: 99). Dalam agama Sikh perkahwinan dianggap *spiritual union*, iaitu penyatuan dua roh, seperti sabda Sri Guru Ram Das Ji (Guru keempat) '*they are husband and wife who have one spirit in two bodies*'. Penyatuan ini disamakan dengan penyatuan antara manusia dengan *Waheguru*, iaitu matlamat penting dalam kehidupan orang Sikh.

Perkahwinan penting dan diwajibkan dalam masyarakat Sikh kerana hidup berkeluarga atau *grihasth asram* adalah cara hidup yang paling utama dan semula

jadi sifatnya (Gurbachan Singh 1960: 16). Tetapi, perkahwinan di larang antara individu yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau endogami. Ini bermakna orang Sikh mengamalkan perkahwinan eksogami dengan memilih pasangan hidup daripada kelompok luar, dengan orang yang tidak ada ikatan persaudaraan. Cara ini dapat meluaskan pengaruh keluarga, selain dapat menggalakkan perkembangan budaya. Ringkasnya, keluarga dan kaum kerabat memberi perhatian yang berat dalam menentukan kemasukan ahli baru ke dalam keluarga mereka (Sarjit Singh 2000: 52), walaupun pemilihan menantu lazimnya dibuat ibu bapa.

Masyarakat Sikh mengamalkan sistem pewarisan patrilineal. Dalam sistem itu, hubungan keluarga, saudara atau individu diatur melalui keturunan nasab bapa. Oleh itu, kelahiran bayi, lebih-lebih lagi bayi lelaki, adalah yang paling menggembirakan. Ibu yang melahirkan bayi tersebut dipuji kerana melahirkan anak lelaki yang menjadi harapan keluarga. Selain itu, kelahiran anak lelaki turut menguatkan kedudukan ibu dalam keluarga, kerana bayi lelaki semacam jambatan yang menyatukan ibu dengan bapanya. Kesemua itu disebabkan anak lelaki menjadi harapan keluarga meneruskan zuriatnya, selain memperluaskan hubungan kerabatnya, lebih-lebih lagi anak laki-laki akan menjadi ketua keluarga dan melaksanakan upacara kematian ayahnya nanti. Namun, ini tidak bermakna anak perempuan dipandang rendah, kerana dalam ajaran agama Sikh, kedudukan wanita sama dengan lelaki (Sarjit Singh 2000: 52).

Orang Sikh yang menjadi ahli kaum *Khalsa* perlu berkahwin dengan *Khalsa*. Ini bermakna pengantin perempuan yang bukan *Khalsa* perlu memohon *amrit* (air suci) untuk menjadi ahli kaum *Khalsa* jika pasangannya dari *Khalsa* (Gobind Singh: 188). Ada beberapa upacara perlu dilalui sebelum istiadat perkahwinan dapat dilangsungkan agar mendatangkan hasil yang baik dan yang memuaskan kedua-dua pihak. Antaranya, pertunangan (*mangani*), pertemuan (*milni*) dan perkahwinan (*anand karaj*). Walaupun pertunangan tidak diwajibkan, upacara itu boleh dilakukan sama ada di kediaman lelaki atau di *gurdwara*. Biasanya upacara formal diadakan di *gurdwara*. Pada hari yang ditetapkan, bapa perempuan bersama-sama saudara mara pergi ke *gurdwara*. Bakal pengantin lelaki yang dipakaikan *kirpan* (pedang kecil) oleh bapa mentuanya itu duduk di depan mengadap kitab suci. Selepas itu, dia disuapkan manisan, diberikan wang serta dipakaikan cincin ataupun gelang emas. Di sini, bakal pengantin perempuan tidak dibenarkan menghadiri upacara itu. Tarikh perkahwinan akan ditetapkan selepas upacara pertunangan. Selepas itu, berita dan jemputan perkahwinan akan disebarkan kepada saudara-mara dan sahabat-handai kedua-dua pihak (Harbans Kaur 1993: 108).

Menjelang hari perkahwinan, upacara mandi yang disebut *vatna* akan diadakan. Dalam upacara ini, lima atau tujuh orang wanita yang telah berkahwin akan memandikan bakal pengantin di rumahnya tiga atau empat hari sebelum hari perkahwinan. Upacara ini menandakan permulaan perayaan perkahwinan. Ini diikuti upacara *milni*, iaitu adat pertemuan antara bapa pengantin lelaki dengan bapa pengantin perempuan pada hari perkahwinan di kediaman pengantin

perempuan. *Ardas* (doa) dibacakan apabila rombongan pengantin lelaki tiba. Dalam pertemuan ini, bapa pengantin perempuan akan menghadiahkan sehelai selimut dan wang kepada bapa pengantin lelaki. Kadang kala sebetuk cincin atau gelang emas disertakan (Guninder 1993: 80-81). Selepas itu, mereka berjabat tangan dan berpeluk mesra. Rombongan pengantin lelaki itu akan dijamu sarapan pagi yang disediakan khas sebelum berangkat ke *gurdwara*.

Anand karaj adalah upacara yang terakhir dan penting di *gurdwara*. Upacara ini biasanya dimulakan dengan bernyanyi mazmur dan membaca kitab suci. Selepas itu, *Granthi Sahib* menerangkan tujuan mereka berkumpul kepada *sangat* (jemaah), termasuk tujuan perkahwinan dan kewajipan suami isteri menurut pandangan agama Sikh. Kedua-dua pengantin duduk bersila menghadap kitab suci dengan *Granthi Sahib* berdiri bersama-sama pengantin lelaki, pengantin perempuan, bapa pengantin lelaki dan bapa pengantin perempuan untuk bacaan *ardas* secara senyap. Selepas itu, bapa pengantin perempuan akan memberi sehelai kain tudung (*palla*) kepada pengantin lelaki yang akan memegangnya pada satu hujung, manakala hujung lain kain itu dipegang oleh pengantin perempuan. Selepas itu, *sangat* menyanyikan ayat daripada kitab suci yang berkaitan dengan *anand karaj*. Kedua-dua mempelai baru akan memegang tudung tersebut sambil berjalan mengelilingi *Sri Guru Granth Sahib Ji* sebanyak empat kali dengan pengantin lelaki berjalan di depan dan diikuti pengantin perempuan. Pergerakan ini disebut *lavan* (*circumambulation*). Sementara itu pemegangan tudung tadi itu melambangkan pasangan telah disatukan dengan disaksikan Tuhan. Mereka perlu mengekalkan ikatan suci itu untuk selama-lamanya (Daljeet Kaur 1986: 70).

Selepas tamatnya *lavan*, *Granthi Sahib* dengan ditemani pasangan baru dan bapa berdoa sebagai tanda bersyukur atas kesempurnaan upacara perkahwinan dan merestui pasangan tersebut. *Granthi Sahib* akan menasihati kedua-dua pengantin tentang tanggungjawab mereka. Selepas bacaan *ardas*, semua *sangat* yang hadir diberi *karah parshad* (halwa yang suci). Pihak *gurdwara* menyuruh pasangan pengantin menandatangani buku daftar perkahwinan *gurdwara*. Sijil perkahwinan (dalam tulisan *Gumukhi*) akan diberi kepada pengantin. Selepas makan tengahari, pengantin perempuan dibawa pulang ke rumah pengantin lelaki. Pemergian pengantin perempuan adalah peristiwa yang menyedihkan bagi keluarganya kerana dia bukan 'milik' mereka lagi (Sarjit Singh 1998: 37).

KAHWIN CAMPUR PERANAKAN PUNJABI DI SABAH

Sudah disebut sebelum ini bahawa agama Sikh menganggap perkahwinan sebagai institusi yang suci dan perlu dilakukan antara penganutnya. Sehubungan itu, majoriti orang daripada generasi tua di Semenanjung didapati menentang orang Sikh berkahwin campur dengan orang bukan Sikh. Pasangan yang berbuat

demikian sering dituduh dengan kata-kata seperti ‘kurang pendidikan agama’ dan ‘membawa malu kepada keluarga dan saudara mara’. Sarjit Singh (1999: 189) mendapati perkahwinan campur adalah isu sensitif di kalangan generasi tua. Namun, disebabkan perlunya interaksi dan pergantungan, lebih-lebih lagi kerjasama sesama kaum dalam masyarakat majmuk, orang Sikh di Sabah telah lama berkahwin campur. Generasi tua orang Sikh di negeri itu tidak menentanginya kerana merekalah yang memulakan tradisi tersebut.

Namun, orang Sikh yang ingin berkahwin campur di Sabah perlu memastikan pasangannya bersetuju untuk menjadi orang Sikh serta mengikut ajaran agama Sikh terlebih dahulu. Setelah mendapat persetujuan dan kerelaannya tanpa paksaan, *Granthi Sahib* akan mula menyediakan *amrit* untuk membaptiskannya. Foto 1 yang menunjukkan *Granthi Sahib* memberi air suci kepada bakal pengantin. Di sini, *Granthi Sahib* akan menerangkan ajaran dan falsafah agama Sikh dengan bahasa yang mereka fahami, seperti bahasa Melayu. Sementara Foto 2 pula menunjukkan orang tua Sikh menerangkan ajaran agama Sikh. Selepas itu, pengantin baru itu diberi nama Sikh yang baru dengan ditambahkan di akhir nama mereka huruf Singh untuk lelaki dan Kaur untuk perempuan.

Mengikut sejarah, perkahwinan campur Sikh yang pertama di Sabah telah berlangsung pada 19 Oktober 1933 antara Sarban Singh dan Satya Kaur yang berasal dari Kepyayan, di Gurdwara Sahib Jesselton. Perkahwinan campur yang kedua pula adalah antara Subedar Sewa Singh Mann yang ketika itu berkhidmat dalam pasukan Constabulari Bersenjata Borneo Utara dengan Inder Kaur pada 5 Ogos 1934. Kedua-dua upacara perkahwinan tersebut dilangsungkan oleh Bhai Kahan Singh, *Granthi Sahib* yang pertama untuk negeri Sabah (Kler tt.: 8-9). Foto 3a dan 3b menunjukkan upacara perkahwinan berlangsung di gurdwara.

Dalam perkahwinan campur Sikh, lelaki Sikh tidak menukar agamanya kerana pentingnya kedudukan lelaki sebagai penyambung keturunan dan pengekalan *boundary* serta identiti etnik mereka. Tradisi dan adat itu berkekalan sehingga kini dan memang diamalkan peranakan Punjabi yang berkahwin dengan pasangan mereka daripada etnik yang lain di Sabah. Ini bermakna pasangan perempuan yang bukan Sikh itu perlu menukar agama kepada agama Sikh. Mereka mengekalkan agama Sikh, atau melalui cara lain, termasuk pasangan tersebut berkompromi untuk memegang agama masing-masing dan membuat penyesuaian budaya dengan sewajarnya (Serjit Sahib 1992: 13). Ini disebabkan peranakan Punjabi masih mengekalkan ciri keagamaan Sikh, seperti mengamalkan empat upacara keagamaan yang terpenting dalam agama Sikh, iaitu *janam sanskar* (upacara kelahiran), *amrit sanskar* (upacara pembaptisan), *anand karaj* (upacara perkahwinan), dan *antam sanskar* (upacara kematian) dengan penuh perhatian dan penghormatan (temubual dengan Puan Bebahkur, 24 April 2001). Ini bermakna perkahwinan peranakan Punjabi di Sabah lebih kepada aspek agama, tiada pembaziran dan mereka lebih suka mengikut adat serta mengadakan pelbagai aktiviti yang berfaedah. Mereka mengikut ajaran agama Sikh dengan sepenuhnya. Oleh itu, semasa jamuan makan malam pada majlis perkahwinan di rumah

FOTO 1. Granthi Sahib memberi air suci kepada bakal pengantin

FOTO 2. Orang tua Sikh menerangkan ajaran agama Sikh

(a)

(b)

FOTO 3a dan 3b. Upacara perkahwinan di gurdwara

pengantin lelaki, minuman keras tidak disediakan, seperti yang diadakan keluarga pengantin lelaki di Semenanjung yang bukan *Khalsa*.

Selain itu, mereka yang berkahwin campur akan mempunyai identiti dan budaya yang unik, maka mudah dibezakan daripada komuniti Sikh di Semenanjung Malaysia, terutama daripada segi makanan, pakaian dan bahasa. Kebanyakan peranakan Punjabi, terutamanya generasi muda, sudah bukan sahaja tidak boleh bertutur bahasa Punjabi, tetapi juga tidak tahu menulis *Gurmukhi*. Daripada kajian yang dilakukan Serjit Sahib (1992: 12), hanya generasi pertama dan generasi kedua yang boleh berbahasa Punjabi. Yang lain menggunakan bahasa Melayu, selain bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Kadazan, dan bahasa Bajau untuk berkomunikasi. Yang menarik ialah kebanyakan peranakan Punjabi sudah diberi status bumiputera bukan Islam.

Berlatar belakangkan itu, peranakan Punjabi di Sabah mempunyai perspektif yang berbeza daripada orang Sikh totok di Semenanjung tentang sistem hantaran kahwin (dikenali sebagai *daaj*). *Daaj* ialah hadiah yang diberi oleh keluarga dan sanak-saudara pihak laki-laki kepada pengantin perempuan. Kalau dalam hantaran kahwin tradisional itu dimasukkan pakaian, perabot rumah, perkakas dapur dan barangan kemas, maka kini barang-barang baru sudah diberi. Ini termasuk peralatan elektrik, seperti peti sejuk dan televisyen dengan tujuan untuk melengkapkan rumah tangga baru yang akan didirikan itu. Sebagai pelengkap, pengantin perempuan pula menghadiahkan pakaian kepada keluarga suami dan kaum kerabatnya (Daljeet Kaur 1986: 63).

Daaj yang diamalkan oleh komuniti Sikh tidak termaktub dalam ajaran agama Sikh. Ia adalah adaptasi daripada budaya masyarakat Hindu yang mengamalkan sistem dowri di India. Ibu bapa peranakan Punjabi di Sabah menentang amalan pemberian *daaj* sekiranya bakal pengantin lelaki (tidak kira dari Semenanjung, Sarawak, ataupun Labuan) meminta *daaj* daripada mereka. Mereka memandang berat isu ini dan tidak teragak-agak untuk menolak pinangan lelaki yang cuba meminta *daaj*, kerana anak mereka mempunyai harga diri yang tidak boleh disamakan dengan *daaj*.

Perbezaan lain dengan masyarakat Sikh di Semenanjung Malaysia ialah kebanyakan keluarga pengantin lelaki yang bukan anggota Persaudaraan *Khalsa* itu menyediakan minuman keras untuk memeriahkan suasana perkahwinan di kediaman mereka, dewan serbaguna atau hotel. Amalan ini seolah-olah satu kemestian dalam budaya Sikh yang baru, walaupun ia berlawanan dengan ajaran agama Sikh. Di dalam *Sikh Rehat Maryada (Sikhs Code of Conduct)* dijelaskan bahawa penganut Sikh tidak dibenarkan mengambil minuman keras (Sarjit Singh 1999: 191). Ini jelas membuktikan walaupun peranakan Punjabi tidak mendalami ajaran agama Sikh, tetapi mereka memahami asas-asas penting agama Sikh berbanding dengan orang Sikh di Semenanjung Malaysia yang menganggap diri mereka sebagai moden.

Peranakan Punjabi Sabah juga tidak mempunyai masalah pergaulan sesama mereka. Tetapi, mereka bermasalah bergaul dengan segelintir orang Sikh di

Semenanjung. Timbulnya masalah itu adalah kerana orang Sikh Sabah tidak dianggap sebagai orang Sikh justeru mereka sudah tidak boleh berbahasa Punjabi, selain tidak makan *chapati*, (makanan ruji komuniti Sikh) dan *dhal* setiap hari. Saya berpendapat orang Sikh tidak semestinya perlu berbahasa Punjabi, makan *chapati* dan *dhal* setiap hari, kerana perkara yang ditekankan dalam agama Sikh ialah komitmen individu kepada agama, di samping mengamalkan segala sifat kemanusiaan dan kepercayaan kepada Tuhan. Dari segi itu, peranakan Punjabi Sabah sangat menghormati *Granthi Sahib* yang dianggap pakar dan arif dalam agama Sikh. Mereka merujuk kepada *Granthi Sahib* bila berhadapan masalah atau kemusyikilan mengenai ajaran agama Sikh. Mereka juga menganggap gurdwara sebagai pusat ibadat yang paling suci kerana di situlah terletak kitab suci agama Sikh. Selain upacara keagamaan yang penting di gurdwara, mereka juga mengadakan aktiviti lain, seperti sembahyang kesyukuran sempena hari jadi, hari ulangtahun perkahwinan, dan memohon doa selamat kepada anak mereka yang bakal menduduki peperiksaan. Pendek kata, gurdwara sekali lagi telah ditegaskan menjadi sebuah institusi agama yang penting dalam hidup orang Sikh sepanjang hayatnya.

PENUTUP

Walaupun berkahwin campur, peranakan Punjabi Sabah menunjukkan komitmen yang tinggi kepada agama Sikh. Rumusan tersebut dibuat berdasarkan hakikat bahawa walaupun generasi muda peranakan Punjabi sudah tidak boleh berbahasa Punjabi dengan baik, tetapi mereka menunjukkan hati yang ikhlas ketika mengadakan upacara agama di gurdwara. Komitmen itu boleh dilihat daripada sikap mereka rela menerima ajaran agama Sikh dengan hati yang terbuka, selain mematuhi segala ajaran yang termaktub di dalam kitab suci, agar perkahwinan mereka direstui Tuhan dan akan berkekalan sehingga akhir hayat.

Selain perbezaan budaya dan identiti antara orang Punjabi di Sabah dengan di Semenanjung, generasi tua Sikh di Semenanjung didapati masih kuat menentang perkahwinan campur. Penentangan mereka boleh juga ditinjau daripada kata-kata seperti perkahwinan campur itu ‘membawa malu kepada keluarga dan saudara mara’. Apa yang akan berlaku pada identiti komuniti peranakan Punjabi Sabah pada masa depan adalah satu persoalan penyelidikan yang penting yang perlu diteliti lebih lanjut.

RUJUKAN

- Choor Singh. 1994. *Understanding Sikhism: the gospel of the Gurus*. Singapore: Central Sikh Gurdwara.
- Daljeet Kaur. 1986. *Ritus perpeloncoan dalam komuniti Sikh: satu kajian etnografi*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Duggal, K.S. 1993. *Sikh Gurus: their lives and teaching*. New Delhi: UBS Publishers Ltd.

- Fujimoto, Helen. 1988. The South Indian Muslim community and the evolution of the Jawi Peranakan in Penang up to 1948. *Monograph Series No. 1*. A comparative study on the modes of inter-action in multi-ethnic societies. Tokyo: Tokyo Gaikokugo Daigaku.
- Gobind Singh Mansukhani. [t.th]. *A book of Sikh studies*. New Delhi: National Book Shop.
- Guninder Kaur Singh. 1993. *Sikhism world religions*. New York: Facts on File.
- Gurbachan Singh. 1960. A model wedding sermon. *The Sikh Review* 8(8): 14-23.
- Harbans Kaur Sagoo. 1993. *Guru Nanak and the Indian society*. New Delhi: Deep and Deep Publications.
- Jaswant Kaur. 1987. Sikap komuniti Sikh terhadap perkahwinan campur: satu kajian kes di Ipoh, Perak. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khushwant Singh. 1966. *A history of the Sikhs II 1839-1964*. New Jersey: Prentice Hall.
- Kler, G.S. [t.th]. *Brief historical notes on Sikh settlers and gurdwaras of Sabah in Malaysia*. t.pt.
- Mohd. Radzuan Haji Ibrahim. 1995. *Polis dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nesbitt, Eleanor. 1996. Sikhism. Dlm. Mogan, Peggy dan Lawton, Clive (eds.) *Ethical Issues in Six Religious Traditions*. London: Edinburgh University Press.
- Pritam Singh Gill. 1975. *Heritage of Sikh culture*. Jullundur: New Academic Publishing.
- Ranjit Singh, D.S. 1993. Indians in East Malaysia. Dlm K.S. Sandhu dan A. Mani (ed.) *Indians Communities in Southeast Asia*. Singapore: Time Academic Press.
- Sarjit Singh. 1998. Masyarakat minoriti Sikh di Malaysia. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1999. Diaspora dan Masalah Identiti Sikh di Malaysia. *Akademika* 55: 183-192. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 2000. Anand karaj: penyatuan dua roh. *Dewan Budaya*, Mac: 52-53.
- _____. 2001. Gurdwara pengekal budaya Sikh. *Dewan Budaya*, Januari: 46-47.
- Serjit Sahib Singh. 1992. Krisis identiti di kalangan komuniti peranakan Punjabi yang beragama Sikh: satu kajian kes di Pantai Barat Sabah. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan Chee Beng. 1988. *The Baba of Melaka: culture and identity of a Chinese peranakan community in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Yap Eng Moi. 1989. Komuniti Ceti Melaka: satu pengenalan. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 17: 55-72.

Sarjit S. Gill
 Tutor
 Fakulti Ekologi Manusia
 Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM
 Selangor Darul Ehsan
 e-mail: sarjit19@hotmail.com